

Peranan Wakil Cina dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan, 1909-1927

The Role of Chinese Representatives in Federal Council, 1909-1927

MOHAMAD RODZI ABD. RAZAK^{1*}, NUR MIZANINA MUSA² & AZHARUDIN MOHAMED DALI³

^{1,2}Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa,

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor, Malaysia

³Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial,

Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia

Corresponding author: rodzi@ukm.edu.my

Received: 23 June 2025 Accepted: 28 October 2025

Abstrak

Keberkesanan pentadbiran dan tata kelola merupakan aspek penting yang diberi perhatian oleh Inggeris dalam menjamin kelangsungan penjajahan mereka di negara ini. Penglibatan orang Cina dalam pentadbiran kolonial adalah sebahagian dari usaha memenuhi matlamat tersebut. Keadaan ini dapat dilihat menerusi penglibatan beberapa orang tokoh Cina yang memainkan peranan penting dalam menjaga kedudukan dan kepentingan masyarakat Cina di Tanah Melayu dalam pelbagai sektor melalui keahlian mereka di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan (MMP). Pengkaji terdahulu banyak memberi fokus kepada penglibatan orang Cina dalam sektor ekonomi seperti perlombongan dan perniagaan sedangkan golongan tersebut ada yang bergiat aktif dalam aspek pentadbiran. Kajian terdahulu juga banyak memberi tumpuan kepada peranan orang Melayu dalam aspek pentadbiran meskipun hakikatnya kaum lain juga turut terlibat dalam pentadbiran kolonial bagi menjaga kepentingan mereka. Golongan etnik selain Melayu walaupun tidak begitu diberi perhatian namun mereka masih mempunyai peranan penting dalam pelbagai aspek pentadbiran. Justeru, penulisan ini bertujuan untuk mengkaji peranan orang Cina dalam pentadbiran kolonial British pada peringkat persekutuan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dari tahun 1909 hingga tahun 1927. Tumpuan diberikan pada peringkat persekutuan memandangkan terdapat peruntukan lantikan secara rasmi dalam kalangan orang Cina melalui MMP. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan menerusi analisis laporan rasmi seperti *Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council* dan beberapa sumber sekunder lain. Hasil kajian mendapati bahawa lima wakil Cina yang dilantik telah memanfaatkan kedudukan mereka dalam MMP bagi menjaga kepentingan, kedudukan dan kebajikan masyarakat Cina di Tanah Melayu antara tahun 1909 hingga 1927. Sebagai wakil Cina, peranan mereka terserlah dalam aspek pentadbiran yang melibatkan sektor seperti perlombongan, perladangan, kebajikan, sosial, kesihatan, pendidikan, buruh serta tanah. Keadaan ini jelas memperlihatkan bahawa peranan wakil Cina bukan sahaja terbatas kepada isu yang melibatkan aktiviti ekonomi malah melangkaui aspek pengurusan dan pembangunan sosial masyarakat Cina seperti penempatan setinggan, sekolah serta masalah sosial seperti menghisap candu, perjudian dan pelacuran.

Kata kunci: Orang Cina; Pentadbiran Kolonial; Majlis Mesyuarat Persekutuan; Negeri-negeri Melayu Bersekutu; Kebajikan

Abstract

This study examines the role of Chinese representatives in the British colonial administration at the federal level in the Federated Malay States between 1909 until 1927. The effectiveness of governance and administration was a key concern for the British in maintaining their colonial rule, and the involvement of the Chinese community formed part of this strategic framework. While previous research has primarily focused on Chinese participation in economic sectors such as mining and trade, this study highlights their administrative contributions, which have received comparatively less scholarly attention. In particular, the analysis centres on the appointment and function of Chinese members within the Federal Council (Majlis Mesyuarat Persekutuan), a formal legislative body under British colonial governance. Using a qualitative approach through library based research, this study draws on official records specifically the Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council- as well as secondary sources. The findings reveal that five appointed Chinese representatives actively safeguarded the interests, welfare and social development of the Chinese community through their involvement in key areas such as mining, plantations, education, labour, health, welfare, and land administration. Their roles extended beyond economic advocacy, encompassing broader social issues including urban settlement, schooling, opium consumption, gambling and prostitution. This study contributes to a more nuanced understanding of the Chinese community's engagement in colonial governance and challenges the predominant focus on Malay administrative participation in existing historiography.

Keywords: The Chinese; Colonial Administration; Federal Council; Federated Malay States; Welfare

Pengenalan

Pada tahun 1896 British membentuk Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NMB) merangkumi empat buah negeri Melayu iaitu Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan. Pada dasarnya, pembentukan NMB bertujuan menyatukan pentadbiran British melalui sistem persekutuan. Namun demikian, pada tahap awalnya NMB tidak memiliki satu badan untuk menggubal undang-undang atau menyelaraskan dasar penting antara negeri berkenaan. Justeru, pada tahun 1909, *Federal Council* atau Majlis Mesyuarat Persekutuan (MMP) telah dibentuk oleh British untuk memperkemaskan sistem pentadbiran di NMB. MMP diketuai oleh seorang Residen Jeneral dan Kuala Lumpur dijadikan sebagai pusat pentadbiran. Menerusi MMP, British berkuasa untuk campur tangan dalam perundangan dan mempunyai kawalan kewangan terhadap NMB. Mulai tahun 1909 juga, semua undang-undang bagi empat negeri tersebut digubal oleh badan perundangan MMP. Walaupun begitu, Majlis Negeri masih berkuasa untuk menggubal perkara-perkara yang khusus bagi negerinya.

Dari segi struktur, keahlian MMP secara umumnya melibatkan penguasaan keanggotaan oleh pentadbir British. Di samping Residen Jeneral yang berperanan sebagai Pengerusi, MMP turut dianggotai oleh Residen British dari setiap negeri dalam NMB serta pegawai British lain seperti Setiausaha Kerajaan Persekutuan, Pegawai Kewangan Persekutuan dan Penasihat Undang-undang. Di samping itu Raja-raja Melayu juga diberi hak untuk menghantar wakil namun kuasa mereka adalah terhad malah tidak memiliki kuasa mengundi. Pada peringkat awal penubuhan MMP, terdapat satu jawatan iaitu Ahli Tidak Rasmi yang diperuntukkan khas untuk seorang wakil dari kalangan orang Cina. Pada tahun 1924, bilangan tersebut telah ditambah kepada dua orang wakil. Perubahan peruntukan khas tersebut dibuat memandangkan kaum Cina dianggap memainkan peranan penting dalam memajukan sektor ekonomi Tanah Melayu ketika itu. Secara keseluruhannya dari tahun 1909 hingga 1927 terdapat lima orang wakil orang Cina yang dilantik sebagai Ahli Tidak Rasmi dalam MMP.

Orang Cina pertama yang dilantik secara rasmi dalam pentadbiran kolonial peringkat persekutuan melalui MMP ialah Leong Fee pada tahun 1909. Beliau merupakan seorang pelombong kaya yang banyak menyumbang dalam pembangunan dan kemajuan ekonomi di Ipoh, Perak. Pada tahun 1912, Leong Fee meninggal dunia dan Eu Tong Sen dilantik menggantikan beliau sebagai Ahli Tidak Rasmi.¹ Beliau digelar sebagai *the richest man in Malaya* ketika itu. Orang Cina seterusnya yang dilantik secara rasmi ialah Choo Kia Peng pada tahun 1921 yang merupakan seorang pelombong kaya di Selangor.² Susulan penambahan kuota Ahli Tidak Rasmi pada tahun 1924, Wong Yick Tong dari Seremban, Negeri Sembilan telah dilantik bagi memenuhi kuota tersebut bersama Choo Kia Peng.³ Pada tahun 1927 pula, Cheah Cheang Lim telah dilantik sebagai Ahli Tidak Rasmi dalam MMP bagi mewakili komuniti Cina. Kelima-lima mereka merupakan pelombong bijih timah dan pemilik estet getah yang berjaya serta mempunyai pengaruh yang kuat dalam komuniti Cina. Mereka memanfaatkan kedudukan dan pengaruh mereka bagi memainkan peranan penting yang bukan sahaja terhad dalam aspek ekonomi malah dalam aspek lain seperti pentadbiran dan sosial.

Peranan Orang Cina Dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan

Pentadbiran

Dalam usaha menjaga kepentingan dan kebajikan kaum Cina, wakil orang Cina yang dilantik memainkan peranan penting melalui keahlian mereka dalam MMP. Peluang tersebut dimanfaatkan sepenuhnya melalui penglibatan dalam aspek pentadbiran. Wakil Cina yang dilantik ini berperanan membantu dasar pentadbiran kerajaan dilaksanakan dengan baik terutamanya yang berkaitan dengan kepentingan komuniti Cina. Contoh penglibatan awal dalam aspek pentadbiran dapat dilihat melalui peranan yang dimainkan oleh Choo Kia Peng. Pada peringkat awal pelantikannya, Choo Kia Peng telah menyuarakan ketidakpuasan hati beliau mengenai sistem bank simpanan Tanah Melayu.

Is the Government satisfied with the present working of put Savings Bank system? If the answer is in the affirmative, will the Government show what progress has been made during the last ten years and whether we have attained the object for which our Savings Banks were established ?⁴

Beliau mempersoalkan usaha kerajaan dalam mencapai objektif penubuhan bank tersebut yang dianggap tidak berkembang walaupun telah mencecah usia sepuluh tahun sejak penubuhannya. Kia Peng turut mencadangkan agar bank simpanan tersebut sama ada secara separa atau tidak rasmi diletakkan di bawah pengurusan Lembaga Pengarah.

Bagi menjaga kedudukan orang Cina juga, pada tahun 1916, sebuah petisyen telah dikemukakan oleh komuniti Cina Selangor kepada Pesuruhjaya Tinggi British iaitu Sir Arthur Henderson Young. Petisyen yang dikemukakan melalui Eu Tong Sen memohon pentadbiran British supaya melantik sekurang-kurangnya seorang lagi wakil Cina sebagai ahli tambahan dalam MMP. Menurut Eu Tong Sen, orang Cina terdiri daripada beberapa komuniti malah memiliki pelbagai pelaburan yang melebihi kaum lain di Tanah Melayu. Petisyen tersebut juga menegaskan tentang penglibatan orang Cina dalam pelbagai jenis pekerjaan, perniagaan dan perusahaan yang melibatkan perbelanjaan buruh, masa atau wang sedangkan penglibatan kaum lain adalah terbatas dalam sektor-sektor tersebut. Sehubungan itu, tambahan wakil Cina dalam MMP dianggap penting bagi memastikan kelangsungan kebajikan masyarakat Cina. Menurut pendapat mereka, agak sukar bagi seorang sahaja wakil Cina untuk menggalas semua tugas tersebut. Tuntutan penambahan wakil melalui petisyen yang dibawa oleh Eu Tong Sen tersebut merupakan antara peranan awal yang dimainkan oleh beliau bagi menjaga kedudukan orang Cina. Tuntutan tersebut menerima maklum balas daripada kerajaan British. Ketua

Setiausaha NMB menyatakan bahawa petisyen tersebut telah diterima dan dalam pertimbangan oleh Baginda Raja. Maklum balas tersebut turut menyatakan bahawa belum terdapat keperluan untuk menambah ahli dalam MMP.⁵ Namun, jika diperhalusi dari sudut jangka panjang tuntutan melalui petisyen tersebut akhirnya memberi impak positif kepada penambahan wakil masyarakat Cina.

Selain daripada berperanan sebagai Ahli Tidak Rasmi dalam MMP, Choo Kia Peng turut dilantik sebagai salah seorang ahli dalam Lembaga Penasihat Keretapi. Dalam MMP yang diadakan pada 19 Jun 1922, beliau menyelar tindakan Pengurus Besar yang tidak memberikan komitmen dalam lembaga tersebut. Kia Peng menyebut mesyuarat tidak dijalankan secara kerap sehingga menyebabkan berlaku kekeliruan dalam penyata belanjawan tahunan. Tambahan pula, permohonan peruntukan dana yang diminta hanya diluluskan dalam masa sepuluh minit sahaja tanpa melalui mesyuarat bersama untuk dibincangkan mengenai peruntukan tersebut. Ini memperlihatkan bahawa ahli tertinggi lembaga tidak begitu mengambil berat mengenai segala hal ehwal berkaitan lembaga.⁶ Dalam MMP yang diadakan pada 20 Jun 1922, Kia Peng meminta agar pihak persekutuan meningkatkan peranan dan kuasa pentadbiran Lembaga Penasihat Keretapi. Mengikut pandangan beliau, berdasarkan kepada ketetapan sebelum ini lembaga mempunyai kuasa yang agak terhad dan membataskan kemampuan mereka untuk memberi khidmat yang baik kepada penduduk Tanah Melayu.⁷

Peranan dari segi pentadbiran ini juga dapat dilihat dalam aspek pembangunan bandar. Dalam hal ini, Choo Kia Peng menjadi wakil orang Cina yang berusaha memastikan bahawa segala polisi kerajaan berkenaan pembangunan bandar sentiasa diselaraskan dengan keadaan semasa ketika itu. Dalam konteks ini, peranan beliau diperlihatkan melalui tindakan beliau yang meminta kerajaan menjelaskan polisi berkenaan pekan Kuala Kubu dan pekan Rasa. Berdasarkan perkembangan semasa ketika itu, pihak kerajaan terpaksa memindahkan pejabat kerajaan dan berek polis ke kawasan lain kerana berlaku kenaikan paras air pada dasar sungai di pekan tersebut. Bangunan sementara telah didirikan di Rasa sedangkan penduduk Kuala Kubu tidak diarahkan untuk berpindah. Tindakan kerajaan ketika itu tertumpu kepada usaha membendung kemerosotan aras kedalaman dasar sungai. Apabila masalah tersebut dapat diatasi, kerajaan akan memutuskan mengenai kawasan yang bersesuaian bagi mendirikan bangunan kerajaan dan kuarters kerajaan yang tetap.⁸

Peranan wakil Cina dalam menjaga kebajikan masyarakat Cina juga terserlah apabila Rang Undang-Undang Sekatan Getah diluluskan. Dalam Rang Undang-undang tersebut, kuasa sepenuhnya untuk mengawal enakmen tersebut telah diberikan kepada Pegawai Sekatan. Choo Kia Peng telah menerima aduan daripada pedagang Cina mengenai ketidakadilan pegawai tersebut dalam menjalankan tugas. Meskipun dilaporkan begitu mengambil berat dengan berkenaan sekatan tersebut namun mereka terkil dengan layanan yang diberikan oleh pegawai yang bertugas. Dalam hal ini, peranan Kia Peng diperlihatkan melalui gesaan agar pihak kerajaan memberi perhatian terhadap pegawai yang tidak melaksanakan tugas mereka dengan baik dan memastikan mereka tidak menyalahgunakan kuasa yang diberikan kepada mereka.⁹

Perlombongan

Peranan wakil Cina dalam MMP juga dapat dilihat dalam aspek perlombongan. Secara umumnya, perlombongan merupakan kegiatan ekonomi yang paling banyak didominasi oleh orang Cina. Oleh itu, kegiatan ini amat penting dan mendapat perhatian daripada mereka berbanding aspek lain. Wakil Cina berperanan dalam memastikan segala perkara yang dibawa dan diusulkan dalam MMP berkaitan perlombongan tidak menjejaskan kedudukan dan kepentingan mereka. Peranan wakil Cina dapat dilihat menerusi penglibatan mereka dalam MMP. Choo Kia Peng telah mempertikaikan hasrat pihak kerajaan yang bercadang memansuhkan lesen melampaui bermula awal tahun 1922. Beliau menyelar tindakan tersebut kerana pemansuhan tersebut akan menyebabkan hasil pendapatan

kerajaan yang diperoleh daripada perlombongan berkurang dan menjejaskan pendapatan pelombong yang menggunakan kaedah melampun.¹⁰ Walaupun begitu, Kia Peng memohon agar kerajaan memberikan masa kepada pelombong untuk menyesuaikan diri dengan kaedah melombong yang lain memandangkan kaedah melampun telah digunakan sejak sekian lama oleh pelombong Cina.

Dalam pada itu, Choo Kia Peng juga meminta kerajaan untuk mempertimbangkan semula usulan bagi memperbesarkan stesen jana kuasa yang dikatakan mendapat permintaan daripada industri lombong bijih timah Cina. Tambahan pula, pemasangan loji elektrik bukan sahaja semata-mata untuk pelombong sahaja tetapi juga untuk tujuan pencahayaan bandar. Ia akan dikenakan kadar bayaran sebanyak lima sen seunit. Kia Peng berharap pihak kerajaan dapat menetapkan harga yang bersesuaian dan tidak mengenakan caj yang berlebihan terhadap para pelombong yang kebanyakannya terdiri daripada orang Cina. Tambahan pula, modal yang digunakan bagi membangunkan loji elektrik tersebut merupakan hasil sumbangan daripada orang awam.¹¹

Perladangan Getah

Peranan lain wakil Cina dalam MMP seterusnya dapat dilihat dalam aspek perladangan getah. Selain perlombongan, perladangan getah merupakan antara kegiatan ekonomi yang sering mendapat pelaburan tinggi terutamanya daripada pemodal Cina. Selain daripada pelabur, kebanyakan pemilik ladang atau estet terdiri daripada orang Cina. Bagi memastikan pelaburan dan ladang mereka tidak terjejas, mereka sentiasa menyuara dan menggesa kerajaan mengenai segala perkara berkaitan perladangan getah dilaksanakan dengan baik. Peranan wakil Cina dapat dilihat menerusi penglibatan mereka dalam MMP. Dalam hal ini, Choo Kia Peng selaku wakil Cina sekali lagi memainkan peranan apabila menyuarakan ketidakpuasan hatinya terhadap Skim Duncan atau Maxwell yang telah dilaksanakan dalam perladangan getah.

Dalam skim tersebut, pengeluar getah kecil sama ada Melayu atau Cina hanya dibenarkan untuk mengeluarkan sebanyak 12 kati sahaja untuk setiap satu ekar tanah. Ini bermaksud, bagi setiap dua setengah ekar ladang, mereka hanya memperoleh 30 kati sahaja. Jumlah tersebut tidak bersesuaian dengan kos sara hidup ketika itu. Choo Kia Peng memanfaatkan kedudukannya dalam MMP apabila mengemukakan bantahan terhadap rancangan tersebut kerana memberi kesan buruk terhadap pemilik estet kecil dan pengeluar estet muda. Dengan merujuk kepada laporan buruh, beliau mendapati buruh Cina akan lebih terkesan dengan rancangan tersebut berbanding buruh India. Menurut beliau, ramai pengeluar estet muda terdiri daripada orang Cina dan jika skim tersebut berlanjutan ia akan membawa kepada masalah pengangguran. Di Negeri Sembilan sahaja, terdapat lebih buruh Cina yang mencecah hampir 3000 orang berbanding negeri Melayu yang lain.¹²

Seiring dengan perkembangan tersebut, *Associated Chinese Chambers of Commerce* yang berpusat di Pulau Penang turut mengeluarkan sebuah petisyen. Petisyen tersebut bertujuan mendesak kerajaan bagi memansuhkan sekatan ke atas getah. Walaupun petisyen tersebut dikeluarkan oleh persatuan Cina di Pulau Pinang, namun ia turut mewakili pandangan persatuan tersebut di NMB. Oleh itu, Kia Peng berpendapat adalah penting untuk kerajaan mengkaji pemansuhan tersebut bagi mengembalikan kedudukannya yang sebenar. Dalam usaha tersebut Kia Peng mengambil tindakan untuk bertemu secara peribadi dengan pegawai yang bertanggungjawab. Beliau melakukan kunjungan ke Ipoh, Selangor, Kuala Pilah, Kuantan dan Bentong bagi membincangkan perkara tersebut dengan persatuan Cina dan wakil-wakil Cina yang lain. Namun demikian, beliau mendapati jumlah mereka yang menyokong sekatan ini lebih tinggi berbanding dengan yang menentang. Kia Peng berpendapat setelah dikaji semula berkenaan sekatan tersebut, beliau merasakan adalah lebih baik pihak kerajaan meneruskan sekatan tersebut. Beliau tidak menafikan terdapat kesan buruk yang akan dihadapi oleh peladang Cina namun ia bukanlah dalam skala yang besar dan masih boleh dibendung.¹³

Wakil Cina lain iaitu Wong Yick Tong turut menyokong pandangan yang diutarakan oleh Ahli Tidak Rasmi Cina tersebut. Sekatan tersebut telah menyelamatkan industri getah Tanah Melayu daripada terus merudum. Tambahan pula, ia dilaksanakan ketika dunia mengalami masalah kemeselesetan ekonomi. Yick Tong dan Kia Peng telah menyertai mesyuarat *Kuala Pilah Chinese Chamber of Commerce* dan mendapati tiga per empat daripada ahli mesyuarat atau dalam erti kata lain majoriti ahli menyokong agar sekatan tersebut diteruskan.¹⁴

Percukaian

Dalam usaha menjamin kepentingan ekonomi orang Cina di Tanah Melayu aspek percukaian menjadi salah satu keutamaan kepada wakil kaum tersebut untuk dibahaskan. Aspek percukaian amat penting kerana ia amat berkait rapat dengan kegiatan ekonomi yang didominasi oleh orang Cina. Dalam hal ini, peranan yang dimainkan oleh wakil Cina melalui keahlian dalam MMP dapat dilihat menerusi penglibatan Ho Tak Ming. Beliau membangkitkan semula ucapan Leong Fee dalam mesyuarat pertama MMP berhubung cadangan kerajaan untuk mengurangkan peratusan duti eksport bijih timah:

*Mr. Leong Fee, speaking in Malay, said that as a miner himself, he found that the coolies were leaving the mines for rubber estates, and he could only keep them by paying them more. He also found that the expenses of deep working were heavy, and for these reasons, he wished to second the motion.*¹⁵

Leong Fee mendapati ramai buruh lombong bijih timah beralih arah kepada estet getah. Kebanyakan mereka akan menetap hanya apabila dibayar dengan gaji yang tinggi. Oleh itu, beliau mencadangkan agar cadangan tersebut dibincangkan lebih lanjut bersama ahli Majlis yang lain. Selain itu, Leong Fee berpendapat jumlah cukai yang dikenakan terhadap buruh lombong perlu dinaikkan. Pada ketika itu kebanyakan buruh lelaki berkemampuan untuk melakukan pelbagai kerja sehingga boleh diibaratkan seumpama bekerja selama dua hari tanpa henti. Justeru, beliau mengusulkan cukai ke atas pekerja lombong dapat ditetapkan dua kali ganda daripada pekerja sektor pertanian iaitu sebanyak \$10 berbanding \$5 sebelumnya.¹⁶

Dalam perkembangan yang berkaitan dengan perdagangan candu pula, wakil Cina kedua dalam MMP, Eu Tong Sen mengemukakan cadangan kepada pihak kerajaan untuk menaikkan harga candu sebanyak satu dolar bagi setiap tahil. Cadangan tersebut seiring dengan usaha kerajaan yang sedang berusaha meningkatkan hasil pendapatan negeri ekoran masalah kewangan. Menurut beliau, di Dutch East Indies Philippine Island, Famosa dan China, harga candu adalah lebih tinggi berbanding NMB. Oleh itu, tidak menjadi masalah untuk kerajaan menaikkan harga candu. Sebaliknya, Tong Sen berpendapat usulan bagi menaikkan harga tembakau adalah tidak relevan memandangkan lebih banyak perbelanjaan perlu dikeluarkan bagi menampung kos pembelian mesin baharu untuk meningkatkan hasil pendapatan.¹⁷

Kebajikan

Aspek sosial seperti kebajikan merupakan isu yang paling banyak disuara, dibincang dan diperdebatkan dalam MMP. Wakil Cina yang dilantik dalam MMP menjadi individu penting kepada komuniti mereka dalam mengetengahkan isu-isu kebajikan orang Cina di NMB. Walaupun pada asalnya dianggap golongan penghijrah tetapi mereka banyak menyumbang tenaga dan memainkan peranan dalam membangunkan ekonomi Tanah Melayu. Dengan adanya penglibatan dalam MMP, wakil orang Cina seringkali bersuara bagi memastikan kebajikan mereka terjamin. Dalam hal ini, *Perak Pioneer* pernah

mengungkapkan penglibatan wakil Cina dalam MMP:

*What the Chinese want and what they should be given, is a representative who would represent them, their interests, feelings and wishes to the Council in the language of the Council, and afterwards, what transpired in the August assembly, to them in their own. Chinese of this ability are not lacking, but as long as the appointment is a gift of the Government, they will remain in the background.*¹⁸

Dalam usaha untuk mengukuhkan kepentingan orang Cina, Leong Fee misalnya pernah mengemukakan pandangan dalam MMP agar kerajaan menambah seorang lagi wakil Cina bagi memastikan kepentingan orang Cina terjamin, “*In view of the increasing number of Chinese in the Federated Malay States, they ought to be represented by two members instead of one.*”¹⁹ Penambahan wakil ini dianggap penting bagi menguatkan lagi suara atau pandangan yang mewakili orang Cina seiring dengan pengaruh mereka dalam bidang ekonomi ketika itu.

Peranan dalam menjaga kebajikan masyarakat Cina juga dapat dilihat dalam aspek berkaitan tanah. Dalam MMP yang diadakan pada 9 Julai 1913, satu enakmen yang dikenali sebagai *The Malay Reservations Enactment* telah dibentangkan oleh Penasihat Undang-Undang Majlis. Dalam enakmen ini, diperuntukkan bahawa orang Melayu hanya boleh mencagarkan tanah kepada orang Melayu yang lain sahaja. Namun begitu, Eu Tong Sen, wakil Cina kedua yang dilantik oleh MMP mengutarakan cadangannya agar pihak kerajaan mempertimbangkan semula untuk membenarkan orang Melayu mencagarkan tanah kepada orang bukan Melayu memandangkan kebanyakan orang Melayu tidak memiliki modal yang mencukupi untuk membuka dan memajukan tanah.²¹

Selanjutnya, dalam MMP yang diadakan pada 10 Julai 1913, Tong Sen telah memberikan pendapatnya mengenai undang-undang mengenai pembuangan negeri. Undang-undang tersebut memperuntukkan bahawa orang yang pulang ke tempat asal setelah dibuang negeri akan dikenakan hukuman penjara seumur hidup. Beliau menentang peruntukan undang-undang tersebut kerana ia dianggap kejam dan berharap agar pihak kerajaan dapat meminda *Banishment Enactment*, iaitu mereka yang kembali setelah dibuang negeri dipenjarakan sehingga maksimum lima tahun dan barulah dibuang negeri semula setelah selesai menjalani hukuman peringkat awal.²²

Bidang pendidikan adalah sektor yang diberi perhatian khusus oleh wakil orang Cina dalam MMP. Dalam menjaga kebajikan dan kelangsungan pendidikan, perkembangan dan kemajuan sekolah Cina menjadi intipati utama yang dibincangkan. Wakil orang Cina, Choo Kia Peng meminta Ketua Setiausaha Negeri membentangkan perkembangan mengenai penubuhan sekolah Cina yang telah didaftarkan di bawah enakmen *The Registration of Schools Enactment, 1920*. Di Perak umpamanya, sejak Yuk Choy Hok Han, Ipoh didaftarkan, sekolah Cina lain juga mengambil langkah mendaftar di bawah enakmen tersebut. *Protector of Chinese*, Perak menjangkakan kesemua sekolah Cina di Perak akan mendaftar sehingga penghujung tahun 1921. Pada 8 Disember 1921, terdapat 33 buah sekolah, 39 orang pengurus, 67 orang guru dan 133 orang ahli jawatankuasa yang berdaftar.²³

Di Selangor pula, banyak sekolah Cina sudah mula dibuka dan didaftarkan. Terdapat 33 buah sekolah, 33 orang pengurus, 80 orang guru dan 101 orang ahli jawatankuasa. Pada bulan Jun 1922, hanya sebuah sekolah Cina sahaja yang didaftarkan. Pada bulan Disember pula, terdapat sepuluh buah sekolah, 14 orang pengurus dan 15 orang guru yang didaftarkan di bawah enakmen tersebut. Hanya terdapat tiga buah sekolah yang mengemukakan permohonan pendaftaran namun belum diluluskan. Di Pahang pula, hanya terdapat tujuh buah sekolah, tujuh orang pengurus dan enam orang guru dan sepuluh orang ahli jawatankuasa. Banyak sekolah yang pada mulanya berdaftar telah ditutup akibat masalah kewangan. Masalah tersebut telah menyebabkan penubuhan sekolah Cina di Pahang kurang diberi perhatian oleh pihak kerajaan.²⁴

Disamping itu, kebajikan kaum ibu dan wanita juga menjadi sebahagian keutamaan wakil orang Cina untuk dibincangkan dalam MMP. Pada 22 November 1922, sebuah enakmen yang dikenali sebagai *The Midwives Enactment, 1922* telah dibentangkan dalam MMP. *Infantile Welfare Advisory Board* mengusulkan agar setiap wanita yang memiliki kemahiran kelahiran bayi didaftarkan secara rasmi di bawah lembaga tersebut. Kumpulan wanita yang lebih dikenali sebagai bidan itu perlu mengikuti ujian dalam bentuk lisan dan praktikal sebagai salah satu syarat kelulusan permohonan pendaftaran. Ahli Tidak Rasmi MMP iaitu Mr. Kenion berpendapat adalah penting terlebih dahulu mendapatkan pandangan mengenai enakmen tersebut daripada para bidan. Namun demikian wakil orang Cina, Choo Kia Peng tidak bersetuju dengan cadangan tersebut memandangkan Kuala Lumpur ketika itu mencatatkan rekod kematian bayi yang tinggi. Beliau membandingkannya dengan persatuan bersalin komuniti Cina iaitu *Maternity Association* yang ditubuhkan pada tahun 1921. Menurut beliau, penubuhan persatuan tersebut berjaya mengurangkan kadar kematian wanita ketika melahirkan anak sebanyak 2% hingga 3% setahun. Justeru, Kia Peng berpandangan bahawa enakmen ini mungkin akan diterima baik oleh para bidan.²⁵

Seterusnya, kebajikan buruh Cina juga turut disuarakan oleh wakil orang Cina. Pada 20 Mei 1924, Choo Kia Peng memohon agar kerajaan meminda perkataan “employer” dalam *Labour Code*. Menurut beliau, definisi perkataan tersebut tidak memberi kesan kepada buruh India berbanding terhadap buruh Cina. Kebanyakan gaji buruh India dibayar oleh pengurus mereka manakala hampir semua buruh Cina terikat dengan kontrak. Ketika sambutan Tahun Baru Cina 1924, lebih 80 orang buruh Cina tidak mendapat sebarang pelepasan cuti sama ada daripada Timbalan Pengawal Buruh atau *Protector of Chinese*. Sebagai wakil Cina tunggal dalam MMP, Kia Peng menganggap beliau bertanggungjawab untuk membawa perkara ini untuk dibincangkan. Kia Peng turut mengambil kesempatan untuk membahaskan mengenai pembayaran gaji guru tempatan. Beliau berpendapat kerajaan perlu menaikkan gaji guru-guru tempatan bagi menghargai tugas dan peranan mereka dalam bidang pendidikan di Tanah Melayu.²⁶ Pada 27 November 1924, Choo Kia Peng telah mencadangkan agar pihak kerajaan menubuhkan lebih banyak *opium wards* seperti Hospital Daerah di Kuala Lumpur di kawasan luar bandar agar boleh menampung lebih ramai pesakit.²⁷ Pada 29 Jun 1925, Choo Kia Peng telah menggesa kerajaan agar mempercepatkan pembinaan Pusat Rawatan Kusta di Sungai Buloh dan Rumah Warga Emas ekoran terdapat lebih 90 orang pesakit terdiri daripada orang Cina. Kia Peng turut berharap agar kerajaan dapat menyediakan kemudahan dan keselesaan di pusat rawatan Dinding, Perak agar setaraf dengan Hospital Kuala Lumpur.²⁸

Selain itu, Choo Kia Peng juga memainkan peranan dalam memastikan kebajikan komuniti Cina terjamin. Beliau secara kerap menyuarakan isu penempatan setinggan orang Cina dalam MMP. Dalam MMP bertarikh 21 November 1922, beliau telah mengemukakan isu tersebut tetapi tidak mendapat perhatian.²⁹ Namun demikian, beliau tidak berputus asa dan masih membangkitkan isu tersebut secara kerap sehinggalah mendapat pertimbangan daripada Pesuruhjaya Tinggi British khususnya dalam MMP yang diadakan pada 17 Disember 1925. Beliau secara lantang meminta kerajaan agar meneliti perkara ini dengan lebih serius dan membentuk sebuah jawatankuasa bagi menyelesaikan isu penempatan setinggan Cina. Beliau turut menambah, masyarakat Cina yang tinggal di kawasan setinggan tersebut merupakan majoriti kumpulan yang bekerja di lombong dan estet getah sekitar Jalan Ayer Hitam, Rawang dan Kepong. Beliau telah mendapat aduan daripada beberapa orang Cina yang menetap di kawasan tersebut mengatakan mereka diarahkan untuk segera berpindah ke kawasan lain kerana kawasan tersebut akan dibangunkan oleh pihak kerajaan. Ini akan menjejaskan hampir 350 buah keluarga yang telah menetap lama di kawasan setinggan tersebut.³⁰

Bagi memastikan kebajikan buruh Cina terutamanya buruh yang bekerja di estet getah terjamin, Choo Kia Peng telah mengutarakan isu pembayaran gaji. Beliau meminta kerajaan membentangkan peruntukan perundangan yang dibuat bagi melindungi kepentingan buruh Cina susulan kejadian

kontraktor melarikan diri tanpa membayar gaji buruh semakin menjadi-jadi. Mereka melarikan diri setelah menerima upah dalam bentuk cek yang diperuntukkan bagi membayar gaji buruh daripada pemilik atau pengurus estet getah. Selain itu, beliau turut meminta kerajaan mengemukakan jalan penyelesaian kepada isu tersebut jika kerajaan tidak mampu menyediakan perlindungan kepada buruh Cina tersebut. Kia Peng dalam suratnya kepada Setiausaha Kerajaan, Kuala Lumpur bertarikh 26 Ogos 1926 memberikan cadangan resolusi kepada isu tersebut. Beliau mencadangkan agar pihak kerajaan menguatkuasakan undang-undang yang menetapkan pemilik atau pengurus estet membayar gaji buruh kepada kontraktor secara tunai iaitu kaedah yang sama seperti pembayaran gaji buruh di lombong.³¹

Pada 28 Februari 1927, Choo Kia Peng telah meminta kerajaan agar menyediakan alternatif lain bagi menyelesaikan masalah sungai di Klang, Selangor dan Kinta, Perak. Pada tahun-tahun awal, banjir tidak normal berlaku dalam kitaran lima hingga sepuluh tahun. Namun ia berubah menjadi fenomena tahunan dan apabila hujan lebat tropika melanda, bandar-bandar sekitar dua buah sungai tersebut mengalami banjir yang teruk.³²

Sosial

Dalam MMP, wakil Cina lantang dalam mengemukakan cadangan pembendungan isu sosial yang berlaku di NMB sama ada isu tersebut berlaku dalam kalangan komuniti mereka ataupun komuniti lain. Antara isu sosial yang paling mendapat perhatian dan selalu diperdebatkan ialah isu candu, perjudian dan pelacuran. Ketiga-tiga isu utama tersebut sering berlaku dan dicetuskan oleh wakil Cina. Oleh itu, wakil Cina dalam MMP memainkan peranan penting dalam memastikan isu tersebut tidak menjejaskan nama baik dan kepentingan mereka di Tanah Melayu. Salah satu kejayaan terbesar Eu Tong Sen ialah menumpaskan kegiatan perjudian sejak awal tahun 1913. Cadangan tersebut telah dibentangkan dalam majlis pada tahun 1912 oleh beliau sendiri dan beberapa orang taukeh yang terkemuka ketika itu, "*His first major success in the Council was to bring about the total suppression of gambling from 1 January 1913, a proposal then tabled in 1912, on behalf of himself and several other eminent towkay.*"³⁴ Idea yang diutarakan Tong Sen telah mendapat sokongan sepenuhnya daripada kerajaan kolonial terutamanya Pengerusi dan Setiausaha dalam MMP. Idea tersebut telah diperdebatkan oleh ahli tidak rasmi Eropah iaitu Griffiths. Beliau menyokong idea tersebut namun mempersoalkan bagaimana ia boleh dihentikan memandangkan perjudian merupakan kecenderungan orang Cina dan mereka telah terbiasa untuk melakukannya.

*I think it is desirable that gaming should be stopped, but the thing is, how are you going to stop it? The Bill before us now is a Bill of three months' notice, which plainly tells you: We are going to make an angel of the Chinese coolie at three months' notice. You have already deprived the mining coolie of his tom-toms; you have deprived him of his crackers and his opium; and now you are going to deprive him of his mild gambling. What are you going to leave to him? You know perfectly well the poor Chinese coolie is born to gamble. I don't think anybody will contradict that. He has been used to it from his very youth; he has grown with it; his very life was a gamble, and will he understand that he has to stop it? the Bill appears to me to be both cumbersome and unworkable.*³⁵

Tong Sen menafikan pandangan tersebut dan menyatakan bahawa perjudian bukanlah kecenderungan orang Cina tetapi ia lebih kepada rutin mereka. Perjudian telah merosakkan kehidupan orang Cina sehingga menyebabkan mereka melakukan rompakan apabila kalah dalam perjudian. Pada tahun

1914, kes rompakan berkumpulan semakin kerap berlaku di NMB. Tong Sen berpendapat bahawa kes ini akan lebih kerap berlaku jika masih wujud kegiatan perjudian. Tong Sen turut menambah bahawa polisi dan peranan kerajaan dalam membanteras kegiatan tersebut akan lebih berkesan:

*Gambling has been the ruin of many Chinese, who take to gang robbery when they have lost their money. It is not true that Chinese are born gamblers. They gamble because they are given a chance to do so. They do it more from habit than from inclination. Most of them will abstain from gambling if the Government forbids it. The Government policy will be a great boon to the Chinese inhabitants of the FMS as well as to future generations.*³⁶

Di samping isu perjudian, beliau turut mencadangkan agar pihak kerajaan menaikkan harga candu bagi setiap enam bulan sehingga ke tahap orang Cina merasakan perbelanjaan wang untuk pembelian candu adalah merugikan. Tong Sen menambah bahawa cadangan tersebut secara tidak langsung akan memupuk orang Cina untuk menyimpan wang atau dibelanjakan untuk tujuan yang lebih bermanfaat:

*If the Chinese save the millions of dollars spent on opium, they will become even more contented and prosperous. The best way to carry that out would be to increase the price of opium every six months, until the price is raised to a prohibitive point. The Chinese would be deeply grateful to government if my proposal is carried out.*³⁷

Selain itu, Tong Sen membahaskan mengenai isu pembuangan negeri. Beliau berpendapat bahawa individu yang dibuang negeri tidak seharusnya dibicarakan di mahkamah terbuka kerana agak mustahil untuk mendapatkan saksi atau bukti yang mencukupi untuk membuktikan mereka tidak bersalah. Keamanan negeri hanya boleh terjamin apabila mereka yang berkelakuan tidak baik dibuang negeri.³⁸ Kumpulan tersebut kebiasaannya dilengkapi dengan senjata, di mana senjata tersebut telah diseludup dari China. Ini menyebabkan pihak kerajaan sukar untuk mengawal individu atau barangan bahaya yang dibawa masuk ke Tanah Melayu. Oleh itu, Tong Sen menyuarakan agar pihak kerajaan kolonial memberikan ganjaran kepada orang awam yang melaporkan mengenai sindiket perniagaan atau individu yang terlibat dengan penjualan senjata tanpa permit. Selain itu, beliau turut menggesa pihak kerajaan agar membentuk kumpulan besar detektif berbanding konstabel polis. Pada pandangan beliau, detektif lebih berkebolehan untuk menyiasat dan bertindak pantas dalam membendung kumpulan rompakan bersenjata di negeri-negeri Melayu.³⁹

Peranan yang berkait dengan urusan tanah dapat dilihat berdasarkan usulan yang dibentangkan dalam MMP pada 19 Jun 1922. Choo Kia Peng menyokong sepenuhnya usulan syarikat yang ingin melibatkan pelombong Cina. Beliau turut menambah jika terdapat keistimewaan premium ke atas tanah yang dimiliki oleh syarikat tersebut perlu diberikan kepada pelombong Cina ekoran sumbangan mereka kepada pembangunan NMB. Frank Swettenham pernah menyebut kemudahan seperti jalan raya, jambatan, kereta api dan sebagainya telah dibina menggunakan hasil pendapatan daripada perlombongan. Beliau juga turut mengingatkan jika terdapat konsesi yang diberikan, pelombong Cina haruslah dilayan sama rata dengan kaum lain.⁴⁰

Pada 15 Disember 1925, *Female Domestic Servant Bill* telah dibentangkan oleh penasihat Undang-Undang dalam MMP. Choo Kia Peng bertindak membetulkan persepsi ahli majlis mengenai amalan *Mui-Tsai*. Beliau menyokong sepenuhnya bahawa sistem ini telah diletakkan di bawah penguatkuasaan undang-undang tersebut. Namun, beliau menegaskan bahawa *Mui-Tsai* tidaklah seburuk seperti layanan buruk kepada hamba atau pelacur tetapi ia pada asalnya merupakan satu bentuk kebajikan kerana kebanyakan wanita yang terlibat terdiri daripada keluarga miskin yang dibeli

atau diserahkan kepada keluarga kaya bagi memastikan kehidupan mereka terjamin. Namun begitu, pada era moden sistem tersebut dianggap seperti sistem perhambaan memandangkan masyarakat telah menyesuaikan sistem tersebut mengikut peredaran zaman.⁴¹

Ahli Tidak Rasmi Cina dalam MMP, Eu Tong Sen atas cadangan daripada Ahli Tidak Rasmi Eropah, Mr. Griffiths memohon agar enakmen kod prosedur jenayah yang telah dikuatkuasakan pada tahun 1901 dan 1903 dipinda agar hukuman sebatan dapat dikenakan terhadap kes jenayah rompakan dengan kekerasan. Berdasarkan undang-undang ketika itu, hukuman sebat tidak boleh dikenakan ke atas pesalah yang dijatuhi hukuman penjara melebihi empat tahun. Ia berbeza dengan peraturan ketika itu yang menetapkan pesalah yang dijatuhi hukuman penjara empat tahun tidak perlu dikenakan sebatan. Pesalah dengan satu hingga lima tahun perlulah turut dikenakan hukuman yang serupa kerana hukuman sebatan merupakan penghalang kepada jenayah. Tong Sen bertegas agar hukuman sebat dapat dipinda dan mendapat sokongan ahli Majlis yang lain agar boleh dikenakan terhadap pesalah megikut budi bicara hakim.⁴²

Kesimpulan

Tuntasnya, wakil Cina yang dilantik dalam MMP telah memainkan peranan penting dalam aspek pentadbiran, perlombongan, perladangan, isu percukaian, isu kebajikan dan isu sosial. Dalam aspek pentadbiran, tumpuan banyak diberi bagi menyuarakan ketidakpuasan hati terhadap polisi dan dasar kerajaan yang dianggap tidak relevan seperti sistem Bank Simpanan Tanah Melayu. Aspek perlombongan memperlihatkan orang Cina berperanan dalam mempertikaikan usulan kerajaan berkenaan pemansuhan lesen melampun dan meminta kerajaan untuk mempertimbangkan usaha untuk memperbesarkan Stesen jana kuasa serta menetapkan harga yang bersesuaian kepada pelombong yang menggunakan pencahayaan dari stesen tersebut. Selain itu, dalam aspek perladangan, orang Cina telah mengemukakan petisyen bagi mendesak kerajaan memansuhkan sekatan ke atas getah. Berkenaan dengan isu percukaian, orang Cina melalui wakil yang dilantik dalam MMP telah mencadangkan agar kerajaan menaikkan cukai ke atas pelombong dan Eu Tong Sen meminta agar kerajaan menaikkan harga candu.

Isu kebajikan merupakan isu yang paling banyak diperjuangkan oleh orang Cina. Melalui MMP, antara isu kebajikan yang banyak dibahaskan ialah berkenaan pembinaan penempatan orang Cina di kawasan bandar dan kampung, perkembangan sekolah Cina sejak penubuhannya di NMB, membenarkan cagaran tanah kepada orang bukan Melayu serta isu pembayaran gaji. Peranan lain yang dimainkan oleh wakil Cina ialah dalam aspek sosial seperti mengusulkan cadangan untuk membanteras tiga gejala sosial utama Tanah Melayu ketika itu iaitu candu, perjudian dan pelacuran. Ia telah mendapat sokongan semua ahli Majlis dan telah diluluskan oleh pihak kerajaan British. Wakil Cina kedua, Eu Tong Sen telah memohon agar kerajaan meminda enakmen kod prosedur jenayah bagi membolehkan hukuman sebat dijatuhkan kepada pesalah kes jenayah rompakan dengan kekerasan. Peranan yang dimainkan oleh wakil Cina dalam MMP bukan sahaja terhad kepada kepentingan komuniti mereka sahaja malah ia turut mengambil kira kepentingan bersama penduduk di Tanah Melayu ketika itu. Walaupun begitu, keutamaan mereka adalah terhadap aspek ekonomi dan kebajikan komuniti Cina. Berdasarkan perbincangan tersebut, jelas memperlihatkan komitmen dan keprihatinan wakil orang Cina dalam MMP amat terserlah dalam menjaga kedudukan dan kepentingan masyarakat Cina di Tanah Melayu ketika itu. Hasil peranan tersebut membolehkan masyarakat Cina memperoleh pelbagai perlindungan dan keistimewaan yang diberikan oleh pentadbiran kolonial British.

Penghargaan

Pihak kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak sama ada terlibat secara langsung ataupun tidak langsung khususnya pihak editor dan para pewasit dalam menyempurnakan terbitan artikel ini.

Nota

- ¹ Ho Tak Ming, *Ipoh: When Tin was King*, Perak Academy, Ipoh, 2009, hlm. 40.
- ² Shalini Ravindran, Stamping their mark in Jalan Kia Peng: Developers pick famous street for its posh projects, *The Star*, 4 April 2016. [http://www.aseanaproperties.com/pdf/news/2016/20160408%20\(TStar\)%20%20Street%20of%20great%20worth.pdf](http://www.aseanaproperties.com/pdf/news/2016/20160408%20(TStar)%20%20Street%20of%20great%20worth.pdf)[22 pril 2024].
- ³ Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 28 July 1924.
- ⁴ Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 26 July 1921.
- ⁵ HCO 1985/1916, Pray for the Appointment 13 of at Least One Additional Chinese Members to the Federal Council.
- ⁶ Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 19 June 1922.
- ⁷ Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 20 June 1922.
- ⁸ Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 6 Mac 1924.
- ⁹ Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 28 Julai 1924.
- ¹⁰ Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 26 July 1921.
- ¹¹ Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 6 Mac 1924.
- ¹² Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 24 October 1922.
- ¹³ Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 23 Februari 1925.
- ¹⁴ Ibid.
- ¹⁵ Ho Tak Ming, *Ipoh: When Tin was King*, Perak Academy, Ipoh, 2009, hlm. 313.
- ¹⁶ Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 19 January 1911.
- ¹⁷ Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 25 November 1914.
- ¹⁸ Ho Tak Ming, *Ipoh: When Tin was King*, hlm. 317.
- ¹⁹ Ibid, hlm. 315.
- ²⁰ Ibid.
- ²¹ Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 9 July 1913.
- ²² Ibid.
- ²³ Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 15 December 1921.
- ²⁴ Ibid.
- ²⁵ Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 15 November 1922.
- ²⁶ Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 20 Mei 1924.
- ²⁷ Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 27 November 1924.
- ²⁸ Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 29 June 1925.
- ²⁹ Sel. Sec. 4101/1922, Questions by the Hon'ble Mr. Choo Kia Peng.
- ³⁰ Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 17 December 1925
- ³¹ Sel. Sec. 4991/1926, Questions Relating to Legislative Provision for the Protection of Chinese Laborers from Non-Payment of Wages by Contractors on Rubber Estates.
- ³² Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 26 February 1927.
- ³³ Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 16 and 17 November 1927.
- ³⁴ Sharp, Ilsa, *Path of the Righteous Crane: The Life and Legacy of Eu Tong Sen*, LandmarksBooks Pte Ltd, Singapore, 2009, hlm. 81.

³⁵ Ibid, hlm. 82.

³⁶ C.O. 576/67. 1912. Proceedings of the Federal Council, 13 November.

³⁷ Sharp, Ilsa, *Path of the Righteous Crane: The Life and Legacy of Eu Tong Sen*, hlm. 83.

³⁸ Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 26 November 1913.

³⁹ Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 3 November 1914.

⁴⁰ Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 19 June 1922.

⁴¹ Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 15 Disember 1925.

⁴² Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 8 Julai 1913.

Rujukan

C.O. 576/67. 1912. Proceedings of the Federal Council, 13 November.

Federated Malay States. 1911. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 19 January.

Federated Malay States. 1913. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 8 July.

Federated Malay States. 1913. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 9 July.

Federated Malay States. 1913. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 26 November.

Federated Malay States. 1914. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 3 November.

Federated Malay States. 1914. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 25 November.

Federated Malay States. 1921. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 26 July.

Federated Malay States. 1921. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 15 December.

Federated Malay States. 1922. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 19 June.

Federated Malay States. 1922. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 20 June.

Federated Malay States. 1922. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 24 October.

Federated Malay States. 1922. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 15 November.

Federated Malay States. 1924. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 6 March.

Federated Malay States. 1924. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 20 May.

Federated Malay States. 1924. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 28 July.

Federated Malay States. 1924. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 27 November.

Federated Malay States. 1925. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 23 February.

Federated Malay States. 1925. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 29 June.

Federated Malay States. 1925. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 15 December.

Federated Malay States. 1925. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 17 December.

Federated Malay States. 1927. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 26 February.

Federated Malay States. 1927. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 16-17 November.

Mohamad Rodzi Abd. Razak, Nur Mizanina Musa and Azharudin Mohamed Dali

H.C.O. 1985/1916. 1916. Pray for the Appointment 13 of at Least One Additional Chinese Members to the Federal Council.

Ho, Tak Ming. 2009. *Ipoh: When Tin was King*. Ipoh: Perak Academy.

Ilsa Sharp. 2009. *Path of the Righteous Crane: The Life and Legacy of Eu Tong Sen*. Singapura: Landmark Books.

Sel. Sec. 4101/1922.1922. Question by the Hon'ble Mr. Choo Kia Peng.

Sel. Sec. 4991/1926. 1926. Questions Relating to Legislative Provision for the Protection of Chinese Laboures from Non-Payment of Wages by Contractors on Rubber Estates.

Shalini Ravindran, Stamping their mark in Jalan Kia Peng: Developers pick famous street for its posh projects, *The Star*, 8 April 2016.

<https://www.thestar.com.my/metro/community/2016/04/08/stamping-their-mark-in-jalan-kia-peng-developers-pick-famous-street-for-its-posh-projects>